

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	28 October 2015

Perdana Menteri gesa pemimpin agama main peranan semai rasa memahami

Bantu perkukuh perpaduan

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 OKT.

SELURUH pemimpin agama digesa supaya tampil berganding bahu bagi memainkan peranan utama dalam menyemai rasa saling menghormati, mempercayai dan memahami di antara rakyat berbilang kaum di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, selaku golongan dihormati, sumbangan pemimpin agama dalam memberi kefahaman kepada orang ramai penting untuk mengukuhkan perpaduan, sekaligus menjamin kelangsungan keamanan.

Katanya, golongan tersebut juga perlu sentiasa bersedia mendengar pandangan semua pihak dengan hati dan minda terbuka, selain mencari jalan untuk mempromosikan kepentingan perpaduan sebagaimana dituntut dalam setiap agama.

"Kita perlu memiliki komitmen jitu dan mengamalkan sikap bertoleransi untuk mengekalkan keharmonian dengan menjauhi perkara-perkara yang boleh memecahkan kita," katanya semasa berucap merasmikan seminar 'Agama dan Keamanan' anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi IKIM, Tun Abdullah Ahmad Badawi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Tan Sri Joseph Kurup serta Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri berkata, pendekatan kesederhanaan dalam mana-mana agama cukup penting kerana tanpanya, mudah untuk seseorang itu tejerumus ke dalam kancah ekstremisme sebagaimana berlaku di Asia Barat.



NAJIB TUN RAZAK meletakkan tangan pada skrin digital semasa pelancaran TAHFIM Online dan TAHFIM Siri 8/2015 sempena Seminar Antarabangsa Agama dan Keharmonian Hidup Bersama di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur semalam. Turut hadir Abdullah Ahmad Badawi (dua, kiri), Jamil Khir Baharom (dua, kanan), Joseph Kurup (kanan) dan Asyraf Wajdi Dusuki (belakang).
- UTUSAN/MOHD. NAJIB MOHD. NOR

Um - 28/10/2015



NAJIB TUN RAZAK beramah mesra dengan wakil pelbagai agama dan kepercayaan selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Agama dan Keharmonian Hidup Bersama di Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, semalam.

Atas kepentingan tersebutlah katanya, kerajaan memperkenalkan konsep wasatiyyah kerana tidak mahu umat Islam di negara ini dilabelkan dengan pelbagai gelaran negatif hanya disebabkan tindakan segelintir pihak tertentu yang fanatik.

"Masyarakat tanpa wasatiyyah mudah terjerumus dengan ekstremisme yang membawa kepada tindakan radikal. Mereka akan memperalatkan agama bagi menghalalkan perbuatan ekstrem seperti dilakukan kumpulan militan Negara Islam (IS)," katanya.